

TAKAFULINK DANA DINAMIK

All information as at 31 October 2019 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2019 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Dinamik aims to provide investors with capital appreciation by investing in a Sub-Fund called Eastspring Investments Dana Dinamik. The Fund provides exposure to investments in Shariah approved equities and equity related securities. For defensive considerations, the Fund may invest in Shariah-approved debentures and money market instruments.

Takafulink Dana Dinamik ini bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal kepada pelabur dengan melabur dalam satu Sub-Dana iaitu Eastspring Investments Dana Dinamik. Dana ini memberi pendedahan kepada pelaburan dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti. Sebagai pertimbangan defensif, Dana boleh melabur dalam debentur yang diluluskan oleh Syariah dan instrumen pasaran wang.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Eastspring Investments Dana Dinamik	99.56
2 Cash, Deposits & Others	0.44

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana


Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	08/01/2018
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM2,600,405.58
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.25% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.00056

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana

Takafulink Dana Dinamik Vs. 50% FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index (FBMS) +50% Maybank 12-months Islamic Fixed Deposit-i

■ Takafulink Dana Dinamik
■ Takafulink Dana Dinamik Vs. 50% FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index (FBMS) +50% Maybank 12-months Islamic Fixed Deposit-i



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	0.96%	-0.25%	0.01%	4.18%	NA	NA	0.06%
Benchmark / Penanda Aras	0.39%	-0.32%	0.79%	1.94%	NA	NA	-3.86%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.57%	0.07%	-0.78%	2.24%	NA	NA	3.92%

TAKAFULINK DANA DINAMIK

All information as at 31 October 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2019 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equities

Global and regional markets trended up in the month of October amid improved global market sentiments and progress being made on the US-China phase 1 trade deal negotiations currently underway. The KLCI had a weak start in October, with the main event of the month being the announcement of Budget 2020 on 11 Oct 2019. We deem Malaysia's Budget 2020 to be mildly positive as it is focused on measures aimed at promoting jobs, FDIs, and structural reforms, rather than the traditional mega infrastructure pump-priming. The Budget 2020 offered tax incentives that should benefit the Electronic and non-electronic manufacturing sectors.

The FBM Shariah Emas Index rose 0.52% mom in Oct 2019 to close at 11,829.78 points. The FBM Shariah Small Cap index gained 6.13% for the month outperforming the FBM Shariah Emas index. Foreign investors were net sellers again of equities for the month of October of RM0.5bn, making the YTD net foreign outflow of RM8.3bn from equities.

Ekuiti

Pasaran global dan serantau meningkat pada bulan Oktober di tengah-tengah sentimen pasaran global yang lebih baik dan kemajuan fasa pertama rundingan perjanjian perdagangan AS-China. KLCI bermula lemah pada bulan Oktober, dengan pengumuman Bajet 2020 pada 11 Oktober 2019 merupakan peristiwa utama pada bulan itu. Kami menganggap Bajet Malaysia 2020 sebagai sederhana positif kerana ia memberi tumpuan kepada langkah yang bertujuan mempromosikan pekerjaan, FDI, dan pembaharuan penstrukturan, dan bukannya menala kepada infrastruktur mega secara tradisi. Bajet 2020 menawarkan insentif cukai yang sepatutnya memberi manfaat kepada sektor perkilangan elektronik dan bukan elektronik.

Indeks FBM Shariah Emas naik 0.52% bulan ke bulan pada Oktober 2019 seterusnya ditutup pada 11,829.78 mata. Indeks FBM Shariah Small Cap yang menokok 6.13% pada bulan tersebut mengatasi prestasi indeks FBM Shariah Emas. Pelabur asing terus menjadi penjual bersih ekuiti bagi bulan yang ditinjau dengan aliran keluar bersih RM0.5 bilion, lalu menjadikan aliran keluar bersih daripada ekuiti berjumlah RM8.3 bilion YTD.

Fixed Income

Malaysia sovereign bond curve continued its bear-steepening move in October with yields for 3-years and 5-years MGS inched higher by 3-9 bps to close at 3.15% and 3.33%, respectively. The rise in yields on the 10-years and 15-years on the other hand was more prominent at 9-14bps to settle at 3.41% and 3.69%, respectively, resulting in a steeper curve. The broad movement in the domestic bond market in the month generally reflected the broader weakness in the global bond market on the back of improving sentiment following renewed signs of a deal breakthrough between US and China. While direction of local market over the medium-term will largely be contingent upon domestic factors e.g. BNM monetary policy and potential index exclusion in March 2020, in the near term, movements in the bond market would likely track the broader global sentiment on the back of many lingering uncertainties. MGII yield curve also steepened in the month, as 5-year moved 13bps higher to 3.34%, 10-years moved 7bps higher to 3.47% and 15-years moved higher by 16bps to close at 3.80%.

Pendapatan Tetap

Keluk bon kerajaan Malaysia meneruskan kedudukan yang semakin mencuram pada bulan Oktober dengan hasil 3 tahun dan 5 tahun MGS masing-masing berganjak lebih tinggi sebanyak 3 hingga 9 bps lalu ditutup pada 3.15% dan 3.33%. Kenaikan hasil 10 tahun dan 15 tahun pula lebih menonjol, meningkat 9 hingga 14 bps yang kemudiannya masing-masing ditutup pada 3.41% dan 3.69%, maka keluk yang terhasil menjadi lebih curam.

Pergerakan meluas dalam pasaran bon domestik pada bulan ini secara amnya mencerminkan kelemahan pasaran bon global yang lebih luas berikutan sentimen yang semakin baik lantaran tanda-tanda baharu kebarangkalian penerobosan perjanjian antara AS dan China. Sementara halatuju dasar monetari domestik buat jangka masa sederhana secara umumnya bergantung kepada faktor domestik seperti dasar monetari BNM dan kemungkinan pengecualian indeks pada Mac 2020, manakala dalam jangka masa terdekat, pergerakan dalam pasaran bon berkemungkinan menjejaki sentimen global yang lebih luas susulan ketidakpastian yang berlarutan.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 0.96% for the month, outperforming the benchmark return of 0.39% by 0.57%. Year-to-date, the fund returned 6.41%, outperforming the benchmark return of 2.83% by 3.58%.

The outperformance in October was mainly due to positive asset allocation and stock selection, especially in the small-mid cap segment, in the underlying fund.

We continue to look for new stock ideas and may take gains on profitable positions and/or exiting positions which have seen unfavourable changes to the company dynamics. We like well managed companies backed by healthy balance sheets and strong cash flow with decent and sustainable earnings growth, preferably trading at attractive valuations. For fixed income, the Fund would look to participate in selected quality issuances for yield pick-up.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana menghasilkan 0.96% untuk bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 0.39% sebanyak 0.57%. Sejak awal tahun hingga Oktober, Dana menghasilkan 6.41%, mengatasi pulangan penanda aras 2.83% sebanyak 3.58%.

Pencapaian yang baik pada bulan Oktober disumbangkan terutamanya oleh peruntukan aset dan pemilihan saham yang positif, terutamanya dalam segmen bermodal kecil hingga sederhana dalam Dana pendasar.

Kami terus mencari idea saham yang baharu dan mungkin mengambil laba daripada kedudukan yang menguntungkan dan / atau keluar apabila perubahan prestasi tidak menyebelahi dinamik syarikat. Kami menyukai syarikat-syarikat yang terurus dengan baik yang disokong oleh kunci kira-kira yang sihat dan aliran tunai yang kukuh dengan pertumbuhan pendapatan yang baik lagi lestari, sebaiknya didagangkan pada nilai yang menarik. Untuk pendapatan tetap pula, Dana akan menimbang untuk terlibat dalam penerbitan terpilih yang berkualiti untuk meningkatkan hasil.

Source / Sumber: Fund Commentary, October 2019, Eastspring Investments Berhad

TAKAFULINK DANA DINAMIK

All information as at 31 October 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2019 melainkan jika dinyatakan

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaiian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL